

79 keluarga di Pekan masih di pusat pemindahan banjir

KUANTAN: Keadaan cuaca yang semakin baik di daerah ini membolehkan 703 mangsa daripada 188 keluarga yang berada di lima pusat pemindahan sejak tiga hari lalu pulang ke rumah masing-masing, semalam.

Bagaimanapun, seramai 323 orang daripada 79 keluarga dari daerah Pekan masih berada di pusat pemindahan iaitu di Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang berikutan kawasan penempatan mereka masih digenangi air.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, berkata di Pekan, kawasan penempatan itu membabitkan Kampung Cenderawasih di Sungai Miang.

Katanya, semua pusat pemindahan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan, SMK Gudang Rasau, Dewan Orang Ramai Sri Damai, Dewan Orang Ramai Panching dan Balai Raya Chera-ting ditutup pada jam 12 tengah hari tadi (semalam).

“Setakat ini, tiada kemalangan

jiwa dilaporkan berlaku, tetapi meminta penduduk Pekan terutama ibu bapa mengawasi anak masing-masing,” katanya ketika dihubungi semalam.

Di **KOTA BHARU**, jumlah mangsa banjir di Kuala Krai mencatatkan penurunan apabila hanya seramai 88 orang membabitkan 21 keluarga masih berada di empat pusat pemindahan di jajahan itu semalam, berbanding kelmarin.



Setakat ini, tiada kemalangan jiwa dilaporkan berlaku, tetapi meminta penduduk Pekan terutama ibu bapa mengawasi anak masing-masing



Jurucakap Bilik Gerakan Banjir IPK Pahang